

13/01/2001

Bersatu pertahan negara: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, tanda-tanda keruntuhan negara sudah mula kelihatan dan meminta rakyat bersatu mempertahankan Malaysia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat jangan sekali-kali membiarkan formula unik yang diasaskan pemimpin terdahulu serta terbukti berkesan membawa pembangunan dan keharmonian negara selama ini, musnah.

Katanya, tanda kejatuhan bermula apabila rakyat sudah hilang nilai untuk maju, berebut kuasa, tidak bermoral dan tidak mempunyai disiplin tinggi. Gejala itu sudah berlaku dan proses keruntuhan negara tidak akan mengambil masa lama memandangkan usia kemerdekaan Malaysia baru 43 tahun.

"Tamadun agung terdahulu seperti Rom dan Islam yang berjaya menguasai satu pertiga dunia juga runtuh walaupun mereka berada pada tahap kegemilangan selama beratus-ratus tahun.

"Kita boleh jatuh dalam masa dua atau tiga tahun saja dan jika runtuh mungkin kita tidak akan dapat membinanya semula," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kedua, di Institut Tadbiran Awam Negara, hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir berkata, formula pengasas negara iaitu politik sederhana, perpaduan kaum dan jentera pentadbiran yang patuh menerima arahan serta melaksanakan dasar-dasar kerajaan pilihan rakyat mesti dipertahankan.

"Jelas formula yang dicipta pengasas negara iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan berjaya menjalin hubungan kaum supaya tidak mengganggu proses pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata, rakyat khususnya orang Melayu tidak seharusnya sekadar memetik kata-kata Hang Tuah "takkan Melayu hilang di dunia" sebagai jaminan bangsa Melayu akan kekal selama-lamanya.

"Kita akan hilang melainkan kita berusaha memastikan Melayu tidak akan hilang," katanya sambil menambah, Malaysia bukan ingin membina empayar tetapi hanya mahu mencapai status negara maju.

Perdana Menteri berkata, Wawasan 2020 yang hanya tinggal 19 tahun lagi bukanlah sesuatu yang mustahil dicapai oleh Malaysia jika semua faktor menyumbang kejayaan sekarang dipertahankan.

Sambil menyatakan kekagumannya terhadap profesionalisme kakitangan awam selama ini, beliau berkata sikap itu membolehkan semua rancangan kerajaan untuk manfaat rakyat dilaksanakan dengan lancar.

Bagaimanapun beliau mengingatkan, sudah ada tanda-tanda bahawa bibit kebencian terhadap kerajaan pilihan rakyat cuba disemaikan di kalangan pentadbiran.

"Selagi ada kerajaan yang dipilih rakyat, anggota pentadbiran hendaklah melaksanakan tugas serta dasar mengikut kehendak yang diputuskan oleh kerajaan semasa.

"Kita tidak boleh membenarkan diri dipengaruhi emosi atau terpengaruh dengan pihak yang mendakwa kerajaan mengamalkan rasuah, kronisme dan kerajaan tidak Islam sehingga dasar tidak dapat dilaksanakan secara berkesan," katanya.

Perdana Menteri berkata, anggota pentadbiran perlu mengelak daripada dipengaruhi sentimen anti kerajaan hingga menyebabkan rakyat membenci pemimpin dan negara.

"Di kalangan negara Islam, Malaysia adalah negara contoh dan kita perlu

mengekalkan prestasi itu. Kita mempunyai banyak lagi yang perlu dilakukan," katanya sambil mengingatkan mengenai ancaman globalisasi.

Beliau berkata, Barat mempunyai niat untuk menjajah semula melalui pelaksanaan globalisasi dengan memaksa negara membangun membuat pasaran ekonomi mereka.

"Mungkin ada yang mengatakan saya terlalu curiga, tetapi sejarah menunjukkan mereka adalah orang yang suka berperang, mengenakan tekanan dan cuba menakluk dunia semula.

"Mereka menjatuhkan nilai mata wang dan apabila (negara terbabit) meminta bantuan kewangan akan dikenakan syarat perlu menyerahkan pentadbiran kewangan dan ekonomi kepada mereka," katanya.

Menjawab soalan pada sesi dialog selepas itu, Dr Mahathir bagaimanapun melahirkan keyakinan bahawa keruntuhan itu boleh dielakkan jika usaha dibuat dari sekarang.

"Optimis saja tidak cukup, usaha mesti dibuat," katanya sambil menambah kerajaan akan terus berusaha memberi penerangan kepada rakyat mengenai punca sebenar masalah yang dihadapi.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting ialah rakyat mengetahui punca sebenar masalah negara sekarang supaya mereka dapat bersama kerajaan menanganinya.

"Jika kita sedar punca masalah itu adalah dari kita sendiri dan mengetahui bahawa ia boleh diatasi, kita akan berusaha mengatasinya," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata pihak asing akan terus cuba meruntuhkan Malaysia termasuk menggunakan rakyat negara ini sendiri.

Oleh itu, rakyat tidak seharusnya terpengaruh dengan dakwah mereka sehingga sanggup menurut telunjuk dan membantu usaha mereka menjatuhkan kerajaan dan negara.

"Terpulang kepada kita untuk mengenal pasti pihak terbabit dan bertindak iaitu menangkis usaha sama ada dari dalam dan luar negara.

"Jangan rosakkan diri kita sendiri. Kalau nak tukar kerajaan pun, pastikan kerajaan yang dipilih benar-benar dapat membangun dan mempertahankan negara," katanya.

(END)